

Najib dakwa dana AS\$70j masuk ke akaun CSR

Akaun bank AmIslamic miliknya tidak digunakan untuk urusan perbankan peribadi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak memberitahu Mahkamah Tinggi, di sini semalam bahawa akaun bank AmIslamic miliknya yang menerima dana AS\$70 juta adalah akaun tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan bukannya akaun bagi kegunaan peribadi.

Najib yang memberikan keterangan dalam kes saman sivil dikemukakan syarikat pelaburan strategik, SRC International Sdn Bhd terhadapnya dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil, berkata akaun di atas namanya itu tidak digunakan untuk urusan perbankan peribadi.

"Ia bukan akaun peribadi (dalam erti kata sebenar) saya. Ia adalah akaun CSR peribadi, tetapi ia tidak layak untuk dikatakan sebagai akaun yang benar-benar peribadi," katanya.

Najib yang dinamakan sebagai defendan pertama dalam kes saman bagi menuntut ganti rugi berjumlah RM1.18 bilion itu, berkata demikian ketika menjawab soalan peguam SRC International, Datuk Lim Chee Wee.

Akaun berkenaan membawa nama kod AmPrivate Banking-MR' dengan nombor akaun berakhir 694. Ia adalah antara satu daripada akaun AmBank Najib yang didakwa menerima dana daripada SRC dan syarikat IMalaysia Development Bhd (1MDB).



Najib diiringi pegawai penjara hadir perbicaraan kes SRC International di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Tak buat rujukan sumber dana

Sementara itu, Najib bersetuju dengan cadangan Chee Wee bahawa berdasarkan kenyataan saksinya, beliau (Najib) tidak membuat rujukan mengenai sumber AS\$70 juta yang dikreditkan pada 3 Januari 2012, ke dalam akaun terbabit, bahawa ia bukan wang SRC atau Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Apabila dicadangkan bahawa beliau tidak mengemukakan sebarang bukti dokumentari untuk menunjukkan bahawa dana itu bukan wang SRC atau KWAP, Najib yang hanya terdiam seketika, kemudian berkata beliau akan memberikan penjelasan kemudian.

Katanya, beliau tidak meminta sebarang pengesahan mengenai sumber dana terbabit kerana tidak menguruskan akaunnya.

Selain itu Najib berkata, beliau

tidak meminta Kajian Kebolehlaksanaan dijalankan bagi kelulusan pinjaman SRC International Sdn Bhd daripada KWAP kerana beliau mempunyai keyakinan terhadap pengurusan syarikat kerana Ahli Lembaga Pengarahnya terdiri daripada individu yang berkemahiran pada ketika itu.

Beliau berkata, individu berkenaan dalam SRC International yang membantu untuk memastikan wang syarikat akan dibelanjakan dengan cara yang sangat produktif.

Katanya, proses sewajarnya juga mesti sudah dipenuhi oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi mengeluarkan memorandum berhubung pinjaman berkenaan.

Pada 7 Mei 2021, SRC memfailkan saman sivil terhadap Najib dan Nik Faisal dengan menuntut ganti rugi AS\$1.18 bilion.

Dalam kes saman terbabit, bekas pengarah SRC International dinamakan pihak ketiga respon-

den, iaitu Tan Sri Ismee Ismail, Datuk Suboh Md Yassin, Datuk Mohamed Azhar Osman Khairuddin, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan Datuk Che Abdullah @ Rashidi Che Omar.

SRC mendakwa kedua-dua defendan bersubahat dan melakukan pecah amanah dan Najib turut didakwa menyalahgunakan kuasanya dan memperoleh ganjaran peribadi daripada dana SRC, selain menyeleweng dana itu.

Ia memohon perisytiharan, semua defendan bertanggungjawab untuk membayar kerugian dana pelaburan itu akibat penggunaan jumlah pinjaman terbabit, selain menuntut ganti rugi am, ganti rugi teladan, ganti rugi tambahan, faedah, kos dan relief lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin bersambung hari ini.